



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 5 DISEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **1,143 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah **60,204 kes** (84.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 5 Disember 2020, negara kita telah merekodkan kes harian baharu sebanyak **1,123 kes**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **71,359 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan**

kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 10,775 kes. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat lima (5) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah 1,118 kes.

Negeri-negeri di Lembah Klang melaporkan jumlah kes harian sebanyak **490 kes (43.6 peratus)**. Negeri Sabah melaporkan jumlah kes harian tertinggi iaitu **391 kes (34.8 peratus)** dan diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **265 kes (23.6 peratus)**.

Sebanyak **40 kes (3.6 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara yang membabitkan Kluster PTS Sibuga (27 kes) dan Kluster Tembok (13 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **130 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **54 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **empat (4) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **380 kes (0.53 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).**

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
377	41277	Sabah	Lelaki (WN)	75	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit darah tinggi
378	68003	Johor	Lelaki (WN)	61	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit asma
379	68326	Sabah	Lelaki (WN)	64	Jenazah beliau dibawa ke Hospital Tawau	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan strok

380	61367	Selangor	Lelaki (BWN)	46	Hospital Shah Alam	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
-----	-------	----------	-----------------	----	-----------------------	---

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 5 Disember 2020, terdapat sebanyak **385 kluster** telah dilaporkan termasuk **empat (4) kluster** baharu yang dilaporkan pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **198 kluster** termasuk **lima (5) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Fores, Kluster Aero, Kluster Sungei Way, Kluster Baki dan Kluster Seladah. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **187 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **49 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Tapak Bina Bulatan (162 kes)**, **Kluster Ria-30 (51 kes)** dan **Kluster Batu Tujuh (39 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat empat **(4) kluster** baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER BATU TIGA

Kluster ini melibatkan daerah Tawau di negeri Sabah. Kes indeks (iaitu kes ke-49006) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 17 November 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 5 Disember 2020, sejumlah 28 individu telah disaring, di mana **28 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER JALAN DOMIS

Kluster ini melibatkan daerah Penampang, Kota Kinabalu dan Tongod di negeri Sabah. Kes indeks (iaitu kes ke-63267) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 29 November 2020 hasil saringan kontak rapat. Sehingga 5 Disember 2020, sejumlah 132 individu telah disaring, di mana **12 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER ANDALAS

Kluster ini melibatkan daerah Klang di negeri Selangor. Kes indeks (iaitu kes ke-68771) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 3 Disember 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 5 Disember 2020, sejumlah 43 individu telah disaring, di mana **16 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER TAPAK BINA BULATAN

Kluster ini melibatkan daerah Cheras, Titiwangsa dan Lembah Pantai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks (iaitu kes ke-67708) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 2 Disember 2020 hasil saringan sebelum ke luar negara. Sehingga 5 Disember 2020, sejumlah 319 individu telah disaring, di mana **163 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

5 Disember 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 5 DISEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	391	30,288
SELANGOR	221 (5)	16,075
W.P. KUALA LUMPUR	265	6,887
NEGERI SEMBILAN	10	5,200
KEDAH	30	2,696
PULAU PINANG	44	2,312
PERAK	39	1,944
JOHOR	66	1,762
W.P. LABUAN	10	1,378
SARAWAK	1	1,068
KELANTAN	35	436
PAHANG	2	425
MELAKA	5	395
TERENGGANU	0	238
W.P. PUTRAJAYA	4	211
PERLIS	0	44
JUMLAH KESELURUHAN	1,123 (5)	71,359

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 1,123 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 5 Disember 2020 adalah seperti berikut:

- **Sabah: 391 kes**

- 106 kes daripada kluster-kluster, termasuk tiga (3) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Batu Tiga** dan **Kluster Jalan Domis**;
- 188 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 97 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 265 kes**

- 228 kes daripada kluster-kluster, termasuk 162 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Bulatan**;
- 18 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 19 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 221 kes**

- 94 kes daripada kluster-kluster, termasuk tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Andalas**;
- 58 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Lima (5) kes import dari luar negara; dan
- 64 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 66 kes**
 - 51 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 44 kes**
 - 32 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 10 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 39 kes**
 - 28 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 35 kes** daripada kluster sedia ada.

- **Kedah: 30 kes**
 - 27 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 10 kes**
 - Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 10 kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: Lima (5) kes**
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Empat (4) kes**
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: Dua (2) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.